

5 • Pentadbiran Dan Pengurusan Sumber Manusia




5.1 PERJAWATAN

Sehingga 31 Disember 2017, bilangan keseluruhan jawatan yang telah diluluskan kepada UniMAP adalah sebanyak 1622. Berbanding 48 jawatan yang diluluskan pada tahun 2016, pada tahun 2017, sebanyak 20 jawatan kosong telah diluluskan kepada UniMAP oleh Perbendaharaan dengan perakuan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pengisian perjawatan sehingga tahun 2017 adalah terdiri daripada 926 orang staf akademik, 160 orang staf bukan akademik pengurusan dan profesional, dan 504 orang staf pelaksana.


Bilangan keseluruhan staf bukan warganegara adalah seramai 25 orang bagi tahun 2017 berbanding 38 orang pada tahun 2016. Taburan staf bukan warganegara tersebut mengikut negara masing-masing adalah 3 dari Indonesia, 2 dari India, 2 dari Myanmar, 2 dari Bangladesh, 2 dari Pakistan, 2 dari Thailand, 2 dari Republik Rakyat China, 2 dari Nigeria dan masing-masing satu (1) dari Permanent Residence, Jerman, Iraq, Jepun, Sudan, Kanada, Filipina dan Vietnam.

Secara umumnya, pecahan staf akademik adalah seperti di Graf 1 dan pecahan staf mengikut kumpulan perkhidmatan digambarkan di Graf 2.

Pada tahun 2017, seramai 52 orang staf akademik, 29 staf bukan akademik pengurusan dan profesional dan 13 orang staf kumpulan pelaksana telah dinaikkan pangkat mengikut gred jawatan masing-masing.



Rajah 5.1: Pecahan Staf Akademik



Rajah 5.2: Pecahan Staf Bukan Akademik Mengikut Kumpulan Perkhidmatan

5.2 PERKHIDMATAN

Unit Kompetensi merupakan salah satu unit di bawah Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Pendaftar, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Pada dasarnya Unit Kompetensi dipertanggungjawabkan untuk menjalankan tiga (3) fungsi utama iaitu, Program Transformasi Minda, Peperiksaan Perkhidmatan dan Peperiksaan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) di UniMAP kepada semua staf yang layak.

Pada tahun 2017, Unit Kompetensi Jabatan Pendaftar telah melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti yang disenaraikan di bawah:

i. Program Transformasi Minda

PTM merupakan kursus wajib yang perlu dihadiri oleh semua staf yang telah dilantik ke jawatan tetap. Ia merupakan salah satu daripada syarat pengesahan dalam perkhidmatan.

ii. Peperiksaan Perkhidmatan

Peperiksaan Perkhidmatan merupakan peperiksaan yang perlu diduduki oleh pegawai-pegawai yang berjawatan tetap sepetimana yang telah disyaratkan dalam skim perkhidmatan masing-masing. Ia juga merupakan salah satu daripada syarat pengesahan dalam perkhidmatan.

iii. Peperiksaan BITK

Peperiksaan ini ditawarkan hanya kepada staf-staf yang menjalankan tugas-tugas kewangan di PTj masing-masing. Staf yang lulus dalam peperiksaan tersebut layak mendapat bayaran BITK sebanyak RM80 sebulan.

Bil.	Perkara	Catatan
A.	Program Transformasi Minda [PTM] Siri 1/2016 10 - 14 April 2017	PTM Siri 1/2017 telah dihadiri oleh 46 orang peserta yang terdiri daripada 38 orang staf akademik dan 8 orang staf bukan akademik.
	Program Transformasi Minda [PTM] Siri 2/2017 4 - 8 Disember 2017	PTM Siri 2/2017 telah dihadiri oleh 34 orang peserta yang terdiri daripada 20 orang staf akademik dan 14 orang staf bukan akademik.
B.	Peperiksaan Perkhidmatan Siri 1/2017 22 - 23 Februari 2017	Peperiksaan telah diduduki oleh 40 orang calon yang yang terdiri daripada Skim Perkhidmatan B, DV, N, S dan W.
	Peperiksaan Perkhidmatan Siri 1/2017 22 - 23 Februari 2017 28 - 29 September 2017	Peperiksaan telah diduduki oleh 24 orang calon yang yang terdiri daripada Skim Perkhidmatan B, DV, KP, N, dan S.

Bil.	Perkara	Catatan
C.	Peperiksaan Bayaran Insentif Tugas Kewangan [BITK] Tahun 2017 25 Julai 2017	Peperiksaan ini telah diduduki oleh 14 orang calon yang terdiri daripada Gred N19 dan Gred W19 yang layak menduduki peperiksaan BITK.

5.3 SKIM PENGAJIAN LANJUTAN

A. Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik (SLTPA)

UniMAP telah melantik seramai 3 orang felo untuk menyambung pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran di bawah Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik. Mereka dihantar ke beberapa buah universiti di dalam negara untuk mengikuti bidang pengajian yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Cuti Belajar berdasarkan perancangan akademik yang telah ditetapkan. Felo - felo tersebut ditaja oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di bawah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB).

Data felo yang terlibat bagi tahun 2017 adalah seperti Jadual 1;

Jadual 5.1: Jumlah Pengambilan Felo SLTPA Tahun 2017 Mengikut Pusat Pengajaran

Bil.	Pusat Pengajaran	Sarjana	PhD		Jumlah
		Dalam Negara	Dalam Negara	Luar Negara	
1.	PPK Pembuatan	0	1	0	1
2.	PPK Alam Sekitar	0	1	0	1
3.	PPIPT	0	1	0	1
Jumlah		0	3	0	3
Jumlah Keseluruhan		0		3	

B. Skim Pengajaran Latihan Kakitangan Akademik (SPLKA)

Seramai 39 orang staf yang terdiri daripada Pensyarah telah diluluskan untuk cuti belajar di peringkat Ijazah Kedoktoran di bawah Skim Pengajaran Latihan Kakitangan Akademik dengan penajaan daripada KPT ke beberapa buah universiti di dalam negara mengikut bidang pengajian yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Cuti Belajar.

Data staf yang terlibat bagi tahun 2017 adalah seperti Jadual 2;

Jadual 5.2: Jumlah Staf Cuti Belajar Di Bawah SPLKA Tahun 2017 Mengikut Pusat Pengajaran

Bil.	Pusat Pengajaran	Sarjana	PhD		Jumlah
		Dalam Negara	Dalam Negara	Luar Negara	
1.	PPK Komputer & Perhubungan	0	2	0	2
2.	PPK Bahan	0	3	0	3
3.	PPK Mikroelektronik	0	5	0	5
4.	PPK Pembuatan	0	2	0	2
5.	PPK Sistem Elektrik	0	6	0	6
6.	PPK Mekatronik	0	4	0	4
7.	PPK Bioproses	0	3	0	3
8.	PPK Alam Sekitar	0	3	0	3
9.	iKOM	0	1	0	1
10.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	0	9	0	9
11.	Pusat Bahasa Antarabangsa	0	1	0	1
Jumlah		0	39	0	39
Jumlah Keseluruhan		0		39	39

C. Lain-Lain Penajaan

Terdapat 2 orang Pensyarah telah diluluskan skim 'Fast Track' untuk menyambung pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran. Manakala 9 orang Pensyarah lagi diluluskan untuk menyambung pengajian di bawah skim 'Peningkatan Profesionalisme' dan 2 orang Pensyarah telah berjaya mendapatkan 'Biasiswa Luar' melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran di Luar Negara iaitu Biasiswa Yildiz Technical University, Turki dan Biasiswa Ondokuz Mayis University, Turki.

D. Skim Sub Kepakaran Post-Doktoral (Post-Doc)

Skim ini ditawarkan bagi memberi peluang kepada staf akademik UniMAP yang telah menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran (PhD) untuk menjalankan aktiviti-aktiviti akademik lanjutan seperti pengajaran, penyelidikan, penulisan, penerbitan dan perundingan berhubung dengan bidang pengajian yang dijalankan oleh mereka. Bilangan staf UniMAP yang mengikuti skim ini adalah tiga (3) orang. Manakala terdapat juga tiga (3) orang penyelidik luar yang memohon menjalani skim ini di UniMAP. Senarai nama staf akademik UniMAP dan penyelidik luar (bukan staf UniMAP) yang mengikuti skim ini bagi tahun 2017 adalah seperti pada Jadual 3 dan Jadual 4.

Jadual 5.3: Staf Akademik UniMAP Yang Mengikuti Skim Pasca Kedoktoran dan Sub Kepakaran

Bil.	Nama	Tempat	Tajuk Penyelidikan	Bidang Penyelidikan	Tarikh Mula	Tarikh Tamat
1.	Dr. Sara Yasina Binti Yusuf	Queen's University Belfast, UK	"Electrochemical Route Towards Sustainability: CO ₂ Capture and Utilization"	Kejuruteraan Kimia	1 Oktober 2016	1 Mac 2017
2.	Dr. Heah Cheng Yong	University Of Plymouth, United Kingdom	Synthesis Of Kaolin Geopolymers Via Geopolymerization Reaction For Better Fire Retardant Properties	Kejuruteraan Polymer	15 Disember 2016	15 Februari 2017
3.	Dr. Liew Yun Ming	University Of Plymouth, United Kingdom	Formulations Of Geopolymers Impregnated Phase Change Materials For Thermal Insulation Applications	Kejuruteraan Polymer	15 Disember 2016	15 Februari 2017

Jadual 5.4: Senarai Nama Penyelidik Luar (Bukan Staf UniMAP) Yang Mengikuti Skim Pasca Kedoktoran dan Sub Kepakaran di UniMAP

Bil.	Nama	Tempat	Tajuk Penyelidikan	Bidang Penyelidikan	Tarikh Mula	Tarikh Tamat
1.	Dr. Saraswathy A/P Jeyaraman	Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik	Analysis And Classification Of Infant Cry Signals	Kejuruteraan Mekatronik	2016/11/01	2017/11/01 Tangguh bagi Cuti Bersalin 3 bulan 2017/04/01 - 2017/06/30, pelarasan semula tarikh 2017/07/03 sehingga 2018/02/02
2.	Dr. Nurnadia Binti Mohamad Khair	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	Features Method For Emotion Recognition From Human Action	Kejuruteraan Bioperubatan	2017/07/03	2018/08/02
3.	Dr. Md Abdullah Al Humayun	Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer & Perhubungan	Dielectric And Magnetic Losses Mechanism Of Coagulated Natural Rubber Graphene - Coated Feni Nanocomposites For Highly Sensitive Green Electromagnetic Field Sensor	Kejuruteraan Komputer & Perhubungan	2017/05/01	2017/10/31

E. Cuti Sabatikal

UniMAP juga menawarkan kemudahan cuti sabatikal kepada staf akademik untuk mengikuti pengajian atau penyelidikan dalam bidang kepakaran serta berpeluang memperolehi pengalaman dan pengetahuan tentang perkembangan dan kemajuan teknologi terkini dalam sesuatu bidang kepakaran demi untuk kemanfaatan kepada warga Universiti mahupun Negara. Jadual 5 menunjukkan senarai staf akademik UniMAP yang menjalani cuti sabatikal pada tahun 2017.

Jadual 5.5 : Staf Akademik UniMAP Yang Menjalani Cuti Sabatikal

Bil.	Nama	Universiti/Agenzi	Tajuk Penyelidikan	Bidang Penyelidikan	Tarikh Mula	Tarikh Tamat
1.	Prof. Dr. Abdul Hamid Bin Adom	Mie University, Japan	Artificial Intelligence in Robotics	Kejuruteraan Mekatronik	2017/06/01	2018/02/28
2.	Prof. Dr. Mohd Yusoff Bin Mashor	Kampus Kubang Kerian, Universiti Sains Malaysia	Intelligent Computer Aided Diagnostic System for Microbiological Images	Kejuruteraan Mekatronik	2017/12/01	2018/08/31

5.4 KURSUS DAN LATIHAN

Program latihan tahun 2017 kekal menumpukan kepada isu pembentukan dan peningkatan ilmu pengetahuan serta kemahiran dalam memastikan misi UniMAP mempunyai kaktangan yang berdaya maju dapat direalisasikan. Aspek pembangunan modal insan juga diberikan penekanan dalam program-program latihan tahun 2017

Pelaksanaan Program Latihan

Sebanyak 76 kursus telah dilaksanakan sepanjang 2017 iaitu 73 daripadanya menggunakan peruntukan Unit Latihan, Jabatan Pendaftar dan 3 lagi merupakan program penjanaan kewangan. Daripada 76 kursus tersebut, 16 kursus daripadanya adalah kursus anjuran dalaman, 36 kursus dijalankan secara anjuran bersama PTJ lain dan 24 kursus yang dianjurkan oleh institusi luar.

Kursus-kursus yang dijalankan adalah berfokus kepada pemerkasaan modal insan yang kompeten dan berdaya maju. Ini meliputi aspek peningkatan pengetahuan dan kemahiran staf.

Jadual 5.6: Bilangan kursus dianjurkan sepanjang 2017

Bil	Kategori	PTJ	Bil Kursus	Bil Peserta
1	Anjuran Dalaman	Unit Latihan, Jabatan Pendaftar	16	1232
2	Anjuran Kerjasama PTJ	1 Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)	10	305
		2 Unit Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP)	7	213
		3 Unit Kompetensi, Jabatan Pendaftar	5	164
		4 Pejabat Pengurusan Akademik, PTNC (A&A)	3	68
		5 Jabatan Bendahari	2	319
		6 Jabatan Pembangunan Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PUSPEK)	1	62
		7 Pejabat Naib Canselor	1	21
		9 Unit Audit Dalam & UPAI	1	41
		10 Kelab Setiausaha	1	30
		11 POTENSI / Perpustakaan	1	75
		12 Pusat Teknologi Maklumat (ICT)	1	20
		13 Pusat Kesihatan	1	33
		14 Pusat Kaunseling	1	110

Bil	Kategori	PTJ	Bil Kursus	Bil Peserta
3	Ajuran Luar	Organisasi Luar	24	70
Jumlah			76	1503

Berdasarkan surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia(JPA) yang bertarikh 29 Februari 2016, menyatakan mengenai Penangguhan Penguatkuasaan Pelaksanaan Dasar Berkursus Tujuh Hari Setahun Bagi Anggota Perkhidmatan Awam. Namun begitu, UniMAP masih mengekalkan jumlah tujuh hari minimum berkursus setahun seperti mana yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 bagi memantapkan lagi kompetensi keseluruhan staf di UniMAP.

Unit Latihan, Jabatan Pendaftar telah mewujudkan enam kategori kursus anjuran dalaman bagi membolehkan matlamat melahirkan staf pentadbiran yang kompeten dapat terlaksana manakala Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD) mewujudkan tiga kategori kursus kepada kumpulan akademik.

Jadual 5.7: Pembahagian Kategori Program Latihan yang dianjurkan oleh Unit Latihan

Bil.	Kategori	Bilangan Kursus
1.	Peningkatan Kemahiran Umum	5
2.	Pembangunan Sahsiah dan Personaliti	2
3.	Kemahiran Pengkomputeran	2
4.	Penyelarasan Prosedur Tugas Dalam Perkhidmatan	4
5.	Pengurusan Kewangan	1
6.	Pengurusan Penyeliaan	2
Jumlah		16

Jadual 5.8: Pembahagian Kategori Program Latihan Yang Dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)

Bil.	Kategori	Bilangan Kursus
1.	Pembelajaran dan Pengajaran	12
2.	Kepimpinan	2
3.	Penyelidikan	2
Jumlah		16

5.6 GAMBAR-GAMBAR KURSUS



Seminar Pengacara Hebat 3 (2017)



Seminar Transformasi Jurutera Pengajar (MTUN) 2017



Kursus Pengurusan Protokol dan Etiket Sosial (2017)

5.7 STATISTIK PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) DAN ANUGERAH KHAS PERKHIDMATAN CEMERLANG (AKPC)

Anugerah Seri Gemilang merupakan salah satu aktiviti tahunan Universiti dalam memberi pengiktirafan kepada warganya yang telah memberikan jasa bakti dan menunjukkan prestasi kerja cemerlang sepanjang tahun di nilai. Selain

itu, Anugerah Seri Gemilang ini dapat menjadi pembakar semangat dan suntikan motivasi untuk mempertingkatkan lagi usaha, prestasi kerja dan kualiti perkhidmatan awam.

Majlis Penganugerahan tersebut telah berlangsung pada **16 Mac 2017** di Hotel Putra Regency, Kangar, Perlis. Seramai **123 orang** warga UniMAP telah dipilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2016. Panel Pembangunan Sumber Manusia mendapati ramai yang layak, namun hanya yang terbaik dipilih.

Perbandingan penerimaan mengikut skim perkhidmatan bagi dua tahun berturut-turut seperti berikut:

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2016

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	BILANGAN PENERIMA		PERATUS PENINGKATAN
		TAHUN 2016	TAHUN 2015	
1	Pembantu Awam	1	2	
2	Pemandu Kenderaan	3	4	
3	Pembantu Kemahiran		1	
4	Pengawal Keselamatan	3	2	
5	Pembantu Operasi	1	4	
6	Artis Muzik		1	
7	Artis Budaya	1		
8	Juruteknik		1	
9	Pembantu Tadbir (P/O)	11	11	
10	Pembantu Belia dan Sukan	1	1	
11	Pembantu Perpustakaan	2	2	
12	Pembantu Akauntan	1	1	
13	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	2		
14	Penolong Jurutera/ Pelukis Pelan	8	9	
15	Penolong Juruukur Bahan	1		
16	Penolong Pegawai Senibina	1	1	
17	Penolong Pegawai Tadbir	3		
18	Penolong Pengurus Asrama	1		
19	Setiausaha Pejabat	4	5	
20	Jururawat	1	1	
21	Penolong Akauntan	1		
22	Pegawai Sains	1		

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	BILANGAN PENERIMA		PERATUS PENINGKATAN
		TAHUN 2016	TAHUN 2015	
23.	Pegawai Latihan Vokasional	14	7	
24.	Pegawai Teknologi Maklumat	2	1	
25.	Jurutera	1		
26.	Pegawai Penerbitan		1	
27.	Pegawai Tadbir	9	4	
28.	Pustakawan		1	
29.	Pegawai Psikologi		1	
30.	Pegawai Kewangan	1	2	
31.	Juruaudit	1		
32.	Guru Bahasa	2	2	
33.	Pensyarah Universiti	46	41	
JUMLAH KESELURUHAN		123	106	16%

ANUGERAH KHAS PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2016

BIL	ANUGERAH	BILANGAN PENERIMA	
		TAHUN 2016	TAHUN 2015
1	Anugerah Pendidik Cemerlang	4	4
2	Anugerah Pentadbir Cemerlang	4	4
3	Anugerah Staf Sokongan Cemerlang	8	9
4	Anugerah Versatil	4	5

ANUGERAH PINGAT DAN DARJAH KEBESARAN TAHUN 2017

Bersempena Ulangtahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis pada 17 Mei 2017, lima (5) orang staf seperti berikut telah dikurniakan Darjah Kebesaran Negeri Perlis:

1. Prof. Ir. Dr. Rezuwan Hj. Kamaruddin
- Darjah Seri Sirajuddin Perlis (S.S.P)
2. Prof. Dr. Abdul Hamid Adom
- Darjah Seri Sirajuddin Perlis (S.S.P)
3. Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan
- Darjah Seri Sirajuddin Perlis (S.S.P)
4. Prof. Madya Dr. Abu Hassan Abdullah
- Darjah Seri Sirajuddin Perlis (S.S.P)
5. Prof. Madya Razli Ahmad
- Darjah Seri Sirajuddin Perlis (S.S.P)

Senarai Pegawai yang Bersara Wajib pada Tahun 2017

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh Bersara
1.	Abdullah bin Awang	Pengawal Keselamatan (KP11)	02 Mei 2017

Senarai Pegawai yang Bersara Atas Sebab Kesihatan pada Tahun 2017

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh Bersara
1.	Ismail bin Haji Lazim	Pengawal Keselamatan (KP11)	16 September 2017

Aktiviti Unit Perkhidmatan

Bil.	Program/Aktiviti	Tarikh	Tempat
1.	Taklimat Pelaksanaan Dasar Pemisah (Exit Policy) Bagi Pegawai Yang Berprestasi Rendah Dalam Perkhidmatan Awam Di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	20 Julai 2017	Dewan Kecemerlangan, Kampus Pauh Putra

